

Mahathir dedah ada golongan . tambah laporan rasmi BMF

14 MAR 1988

IPOH 13 Mac — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini mendedahkan tentang adanya golongan yang menyelitkan surat - surat tambahan kepada laporan rasmi skandal BMF dengan melibatkan nama - nama pemimpin kerajaan di dalamnya.

Kesempatan untuk menyelitkan surat - surat tambahan kepada laporan tersebut begitu terluang kerana laporan tersebut terlalu tebal dan memakan masa untuk membacanya.

Datuk Sri Dr. Mahathir menegaskan, kerajaan mengambil keputusan untuk menyebarkan laporan itu kepada umum adalah untuk pengetahuan umum atas apa yang sebenarnya yang berlaku.

"Kerajaan tidak takut, sebab itu kerajaan menyiarkan sepenuhnya laporan BMF itu, kerajaan tak buat salah kerana yang salah sudahpun diambil tindakan," katanya ketika berucap di perhimpunan perpaduan rakyat Perak di padang Perbandaran Ipoh di sini petang ini.

Beliau menarik perhatian, golongan yang menyelitkan surat - surat tambahan dalam laporan BMF itu adalah dari kalangan parti pembangkang yang sengaja menangguk di air keruh.

"Parti - parti pembangkang tidak peduli berapa banyak wang kita rugi, \$100 juta, \$200 juta dan sebagainya tetapi yang penting bagi mereka ialah memburukkan kerajaan dari melihat kejayaan yang

sebenarnya," tegasnya.

Kata Datuk Sri Dr. Mahathir, parti - parti pembangkang sering menimbulkan masalah kepada kerajaan dengan memburukkan kerajaan dan menidakkan pembangunan - pembangunan yang telah dijalankan.

"Pembangkang tidak ada apa - apa yang hendak ditunjukkan kepada rakyat dan negara," katanya sambil disahut dengan pekikan 'hidup Mahathir, hidup Mahathir.'

Ketibaan Perdana Menteri dan rombongannya dengan jet eksekutif TUDM terlewat 15 minit dari yang dijadualkan tetapi sambutan tetap meriah dan hangat sekali walaupun hujan renvai - renvai.

Perdana Menteri memulakan ucapannya dengan memohon maaf kepada orang ramai kerana tak dapat bersalaman dengan mereka seorang (LIHAT MUKA 6)

Pihak yang tambah laporan BMF didedah

demi seorang kerana terlalu ramai.

"Saya juga meminta maaf bagi pihak anggota polis yang menjalankan tugas semasa memberi jalan kepada saya ke perhimpunan ini jika mereka terkasar kepada tuan - tuan," katanya sambil berseloroh.

Beliau memuji rakyat berbilang kaum yang datang dengan rela hati untuk menghadiri perhimpunan perpaduan itu demi kecintaan mereka terhadap perpaduan kaum yang kukuh di negara ini sehingga menimbulkan rasa kurang senang kepada parti - parti pembangkang.

"Ada parti pembangkang yang kurang senang dengan perhimpunan sebegini tetapi kita bukan buat relly, perhimpunan ini adalah perhimpunan perpaduan," tegasnya.

Malaysia sejak merdeka lagi maju kerana rakyatnya sukakan kemajuan di semua peringkat dan rakyat Malaysia juga sanggup menghadapi rintangan dan cabaran yang dihadapi.

Katanya, kemajuan dan sikap bersatu inilah yang menjadi punca pencapaian kemajuan di negara ini. Itu adalah satu keistimewaan.

Datuk Sri Dr. Mahathir berkata, kerajaan bukan tamak, malah sanggup berkorban untuk menyatupadukan negara melalui Barisan Nasional.

Menurut Perdana Menteri, sejak merdeka kejayaan yang dicapai amat menggalakkan dan selepas 1969 ramai yang meramalkan bahawa kerajaan akan hancur, tetapi kita bersyukur bahawa ramalan itu meleset malah Malaysia dapat bekerjasama dengan banyak negara lain.

Sehubungan dengan itu, katanya lagi, ramai pula yang iri hati termasuk orang - orang yang berada di luar negeri yang tidak seronok melihat kemajuan dan kejayaan yang

telah dicapai selama ini.

Di dalam negeri, katanya, kumpulan tersebut cuba menggagalkan kemajuan yang telah dibuat oleh kerajaan terutama semasa keadaan kemelesetan ekonomi dunia yang dihadapi sekarang.

"Ramai pekerja kehilangan pekerjaan akibat dari kemelesetan itu dan kerajaan sedar mengenainya dan tidak berdiam diri menghadapinya, tegasnya.

Para pekerja lombong terutamanya di Perak menghadapi kehilangan pekerjaan dari perusahaan yang telah lama dimajukan di negara ini dan usaha - usaha sedang digiatkan untuk mengatasi masalah ini.

Datuk Sri Dr. Mahathir menyebutkan kemungkinan kerajaan akan menurunkan kadar bayaran elektrik kepada pengusaha - pengusaha lombong bijih bagi mengurangkan beban yang mereka hadapi semasa kemelesetan ekonomi masa kini.

Mengenai pembinaan Jambatan Pulau Pinang, Perdana Menteri sekali lagi mengulangi kenyataannya bahawa pembinaan projek \$800 juta itu adalah dirancangan semasa Allahyarham Tun Abdul Razak menjadi Perdana Menteri dahulu, tetapi pelaksanaannya dijalankan baru - baru ini.

Katanya, projek tersebut adalah besar dan bukannya dirancangan semasa negara menghadapi kemelesetan ekonomi.

Mengakhiri ucapannya kira - kira 40 minit itu Datuk Sri Dr. Mahathir menyeru rakyat berbilang kaum serta lapisan supaya terus bersatu padu dalam semangat muhibah demi menjamin kehidupan yang lebih baik di masa akan datang.

"Segala yang dirancangan untuk kemajuan rakyat adalah untuk kepentingan semua dan kita akan buktikan kepada dunia bahawa kita boleh memimpin," tegasnya.

Terdahulu dari itu Datuk Sri Dr. Mahathir diarak dengan 60 buah kereta Proton Saga kira - kira tiga batu dari Lapangan Terbang Ipoh ke Padang Perbandaran yang didahului oleh 200 buah motosikal dari ahli - ahli UMNO.